



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 DISEMBER 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **658 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **56,969 kes** (83.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 2 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **851 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **68,020 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan**

**kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,686 kes.** Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat empat (4) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah 847 kes.

Negeri-negeri di Lembah Klang melaporkan jumlah kes harian sebanyak **334 kes (39.2 peratus)**. Daripada jumlah ini, negeri Selangor melaporkan sebanyak **249 kes (74.6 peratus)**. Jumlah pelaporan kes harian kedua tertinggi pula dicatatkan oleh negeri Sabah iaitu sebanyak **229 kes (26.9 peratus)** dan diikuti dengan negeri Johor sebanyak **102 kes (12.0 peratus)**.

Sebanyak **17 kes (2.0 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara yang membabitkan Kluster Tembok (14 kes), Kluster Matambai (2 kes) dan Kluster PTS Sibuga (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **122 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **47 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **dua (2) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **365 kes (0.54 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
364	65961	Sabah	Lelaki (WN)	84	Jenazah di bawa ke Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis
365	65962	Sabah	Lelaki (BWN)	63	Jenazah di bawa ke Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi dan asma

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Sehingga 2 Disember 2020, terdapat sebanyak **369 kluster** telah dilaporkan termasuk **lima (5) kluster** baharu yang dilaporkan pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **186 kluster** termasuk **dua (2) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Cahaya dan Kluster Alma. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **183 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **44 kluster** melaporkan pertambahan kes. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Batu Tujuh (51 kes)**, **Kluster Beringin (36 kes)**, dan **Kluster Kaya (33 kes)**.

### **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **lima (5) kluster** baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

#### **1. KLUSTER DESA PINANG**

Kluster ini melibatkan daerah Kepong, Lembah Pantai, Titiwangsa dan Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta daerah Gombak di negeri Selangor. Kes

indeks (iaitu kes ke-62596) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 28 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 2 Disember 2020, sejumlah 120 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 2. KLUSTER IMPIAN

Kluster ini melibatkan daerah Gombak, Selangor. Kes indeks (iaitu kes ke-63700) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 29 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 2 Disember 2020, sejumlah 220 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 3. KLUSTER BALOI

Kluster ini melibatkan daerah Johor Bahru dan Pontian, Johor. Kes indeks (iaitu kes ke-63152) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 28 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 2 Disember 2020, sejumlah 166 individu telah disaring, di mana **30 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### 4. KLUSTER JERNAI

Kluster ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks (iaitu kes ke-64196) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 29 November 2020 hasil saringan sebelum ke luar negara. Sehingga 2 Disember 2020, sejumlah 45 individu telah disaring, di mana **13 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### 5. KLUSTER SERI WANGSA

Kluster ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks (iaitu kes ke-64193) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 29 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 2 Disember 2020, sejumlah 154 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

- **Amalkan 3W:** (Amalkan *Wash*, *Wear* dan *Warn*)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

2 Disember 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 2 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	229	29,267
<b>SELANGOR</b>	249	15,075
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	85 (4)	6,317
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	62	5,123
<b>KEDAH</b>	26	2,610
<b>PULAU PINANG</b>	60	2,177
<b>PERAK</b>	34	1,832
<b>JOHOR</b>	102	1,549
<b>W.P. LABUAN</b>	0	1,356
<b>SARAWAK</b>	0	1,065
<b>PAHANG</b>	1	404
<b>MELAKA</b>	1	388
<b>KELANTAN</b>	2	372
<b>TERENGGANU</b>	0	237
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	205
<b>PERLIS</b>	0	43
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>851 (4)</b>	<b>68,020</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import



## LAMPIRAN 2

**Perincian 851 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 2 Disember 2020 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 249 kes**

- 82 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Impian** dan **Kluster Desa Pinang**;
- 86 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 81 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 229 kes**

- 39 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 103 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 87 kes daripada lain-lain saringan COVID-19

- **Johor: 102 kes**

- 87 kes daripada kluster-kluster, termasuk 23 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Baloi**;
- Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 85 kes**
  - 47 kes daripada kluster-kluster, termasuk 40 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Desa Pinang, Kluster Jernai, dan Kluster Seri Wangsa**;
  - Empat (4) kes import dari luar negara;
  - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 31 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 62 kes**
  - 43 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 60 kes**
  - 52 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 34 kes**
  - 31 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 26 kes**
  - 19 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan

- Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Kelantan: Dua (2) kes**
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Pahang: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.